Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- Ekonomi global terus pulih pada suku pertama tahun 2021.
- Eksport serantau mengalami peningkatan yang kukuh.
- Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Pertumbuhan global terus meningkat

Ekonomi global terus pulih pada suku pertama tahun 2021. Aktiviti perkilangan dan perdagangan global semakin meningkat. Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti perkhidmatan dalam negeri kekal tidak sekata. Hal ini disebabkan oleh beberapa negara telah mengetatkan langkah-langkah pembendungan akibat penularan semula kes COVID-19, manakala sesetengah negara lain pula telah melonggarkan sekatan mereka.

R1 Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi AS kembali pulih dan berkembang sebanyak 0.4% pada suku pertama tahun 2021 (S4 2020: -2.4%). Pertumbuhan disokong oleh pelonggaran langkah-langkah pembendungan dan keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik berikutan pelaksanaan langkah sokongan fiskal tambahan.

Pertumbuhan di kawasan euro mencatatkan penurunan yang lebih perlahan sebanyak 1.8% (S4 2020: -4.9%). Hal ini disokong oleh pemulihan aktiviti perkilangan dan perdagangan, manakala aktiviti perkhidmatan kekal lemah akibat langkah pembendungan yang berpanjangan. Keadaan pasaran pekerja kekal di bawah paras sebelum pandemik, lantas menjejaskan penggunaan swasta.

RR China mencatatkan pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 18.3% (S4 2020: 6.5%), disokong oleh peningkatan kegiatan ekonomi secara menyeluruh. Walaupun terdapat penularan COVID-19 yang tertumpu di kawasan tertentu pada suku pertama, wabak di China masih dapat dibendung dan menyebabkan pemulihan ekonomi sebahagian besarnya tidak terjejas.

Peningkatan eksport serantau kukuh

Eksport di rantau ini mengalami peningkatan yang kukuh pada suku pertama. Kebanyakan ekonomi serantau, kecuali Filipina dan Thailand, mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi eksport mereka. Keadaan ini dipacu oleh permintaan yang kukuh, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E).

R2 Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

R3 **VIX CBOE**



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi disebabkan oleh situasi pandemik yang terus mewujudkan ketidakpastian berhubung dengan kekukuhan pemulihan ekonomi. Meskipun demikian, volatiliti mereda sedikit pada suku pertama (purata: 23.2; S4 2020: 25.6, Jan-Feb 2020: 15.0), berikutan suasana optimis susulan pemberian vaksin COVID-19 dan pakej rangsangan baharu di AS. Jangkaan pemulihan yang lebih pantas dalam kalangan ekonomi utama, terutamanya AS mendorong kepada peningkatan kadar hasil bon kerajaan di AS dan ekonomi utama lain. Keseluruhannya, sentimen pelabur terjejas akibat penularan kes yang berterusan pada peringkat global dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di beberapa ekonomi utama.

Harga minyak mentah Brent terus meningkat kepada purata USD61 setong pada suku pertama (purata S4 2020: USD45 setong). Hal ini didorong oleh sentimen positif berhubung dengan pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 dan pemulihan permintaan minyak dunia secara beransur-ansur apabila langkah-langkah sekatan pergerakan dilonggarkan secara berperingkat. Harga minyak turut disokong oleh keadaan bekalan minyak dunia yang lebih ketat. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan sebanyak satu juta tong sehari secara unilateral oleh Arab Saudi selain pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ yang berterusan sejak 1 Mei 2020 serta gangguan di loji pengeluaran AS akibat cuaca buruk.